

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IX)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

17. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan adakah Kerajaan Negeri berhasrat meneruskan kempen Experience Penang 2020?.

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Kempen Experience Penang Year 2020 (EPY2020) melalui *tagline* The Diversity of Asia telah menjadi sinonim kepada kepelbagaiannya Pulau Pinang yang ditampilkan melalui seni, budaya dan warisan. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat membatalkan kempen EPY dan sebaliknya akan mengekalkan jenama “Experience Penang Year” (EPY) serta akan mengambil langkah-langkah sewajarnya berdasarkan situasi semasa wabak COVID-19.

Ini adalah kerana Kempen EPY telah menjadi jenama pelancongan Pulau Pinang yang terkenal di persada antarabangsa dan juga sebagai mekanisme yang menyatukan penduduk setempat dalam sektor pelancongan. Dalam usaha memulihkan keyakinan pelawat selepas COVID-19, kempen EPY juga mempunyai peranan untuk menjadi satu halatuju kepada industri pelancongan yang amat memerlukan inisiatif sedemikian untuk menarik minat pelancong ke negeri Pulau Pinang semula.